

# Sekolah Kebangsaan Pekan Satu Berjaya Bergelar Johan Dalam Pertandingan Dengue Patrol 2018 Peringkat Negeri



Labuan, 25 Jun- Warga Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pekan Satu menyasarkan gelaran johan selepas diberi kepercayaan mewakili negeri di peringkat kebangsaan bagi pertandingan Misi Gempur Denggi, Patrol Denggi.

Sejak dimaklumkan mengenai pertandingan tersebut, pihak sekolah sibuk melakukan persiapan bagi bersaing dengan 17 sekolah rendah di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan yang aktivitinya boleh diikuti di laman sosial Facebook dan Youtube Dengue Patrol SK Pekan Satu.

Guru besarnya, Puan Anita S Shyamini berkata, sebanyak empat kategori disertai sekolahnya iaitu seni persembahan gimik, khidmat komuniti, media sosial dan ceramah kesihatan.

“Kami bekerjasama dengan PIBG untuk Program Gotong Royong Perdana SKPS di SK Pekan Satu serta di Program 3 dalam 1 yang diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan pada 4 Mei 2018 yang lalu.

“Bagi gotong-royong, kami sasarkan kerjasama antara sekolah, ibubapa serta badan NGO dan berharap bahawa usaha dijalankan Kementerian ini mendapat sokongan masyarakat untuk sama-sama mencegah denggi,” kata Puan Norlihan bt Alip selaku penyelar Program Dengue Patrol SKPS.



Puan Norlihan bt Alip juga berkata, merangkap gelaran Johan telah memberi lebih buat sekolah. Hal ini kerana melalui program ini semua pihak khususnya warga sekolah akan sentiasa mematuhi prosuder yang ditetapkan Kementerian Kesihatan dalam memerangi wabak denggi. Selain berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum, SK Pekan Satu turut mementingkan kesedaran am mengenai kepentingan menjaga

keihatan dan kebersihan untuk membentuk murid-murid yang mempunyai keperibadian dan nilai murni yang tinggi . Tambahan itu , kemenangan yang diperoleh ini bukan sahaja mampu mengharumkan nama sekolah . Malah , hubungan silaturahim antara ibubapa serta kerjasama oleh pihak luar dapat dipupuk .

“Kita mahu mendidik murid sejak dari bangku sekolah rendah lagi dengan bimbingan guru dan ibu bapa untuk menangani wabak denggi terutamanya di kawasan sekolah dan rumah,



“Ia adalah pencapaian yang mampu menaikkan nama sekolah dan juga hadiah buat semua pihak yang bersungguh dalam menjayakan projek tersebut selain sokongan daripada pihak sekolah , ibubapa , badan-badan NGO serta murid-murid yang berjaya membawa nama SK Pekan Satu sebagai Johan

Negeri. Tidak lupa juga AJK Dengue Patrol dan ahli Squad Denggi Patrol atas usaha tanpa henti bagi menjayakan program ini.

Masyarakat boleh masyarakat mengetahui mengenai Patrol Denggi SK Pekan Satu dengan melayari laman web facebook :<https://www.facebook.com/Dengue-Patrol-SK-Pekan-Satu-WP-Labuan-154900271872448/> serta laman web youtube : <https://www.youtube.com/channel/UC1QTxT00nx8uCIImRjH0UV6w>



SKPS truly number 1 !  
Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya  
Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini

---

# Program Kasih Ramadan SMK Lajau 2018



**LABUAN, 11 Jun**– Seramai 100 orang pelajar dan 20 orang pekerja swasta sokongan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Lajau di sini menerima bantuan keperluan asas makanan harian sempena **Program Kasih Ramadan** yang dianjurkan oleh Kelab Guru dan Staf SMK Lajau (KRAF) dengan kerjasama Panitia Pendidikan Islam.

Bantuan dalam bentuk beras, gula, tepung, minyak masak dan lain-lain itu disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Tuan Raisin bin Saidin, dan Pengetua SMK Lajau, Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip. Turut sama dalam majlis berkenaan Encik Awang Adi Tuah, Pegawai di JPWPL, Cik Nor Ain Mohammed Penolong Kanan Pentadbiran, Encik Jasmi Sabtu Penolong Kanan HEM, Encik Dahlan Kassim Penolong Kanan Kokurikulum dan puan Norani Hj Sabuddin Penolong Kanan Pendidikan Khas, Semua Guru kanan Bidang mata Pelajaran serta guru-guru SMK Lajau. Bantuan yang diagihkan kepada pelajar itu hasil daripada kutipan yang diperolehi daripada pelbagai pihak

yang bermurah hati menyumbang kepada Program Kasih Ramadan SMK Lajau 2018.



Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Raisin bin Saidin, diiringi oleh Pengetua SMK Lajau, Mohd Jamatin bin Abd Latip, dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru SMK Lajau, Tapa bin Jani.

Mohd Jamatin dalam ucapannya meyambut baik Program kebajikan seperti ini kerana ianya sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga pelajar tersebut sempena Aidilfitri yang bakal tiba. Mohd Jamatin juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pelbagai pihak yang memberi sumbangan dalam bentuk wang ringgit mahupun barangan bagi memastikan Program Kasih Ramadan ini berjaya dijalankan dengan baik. Beliau sangat terharu dan bersyukur dengan komitmen jawatankuasa yang terlibat yang diketuai oleh Encik Mohd Hisyam Assim, Encik Mohd Fizree Zakaria, Encik

Mohd Aminuddin Fahmi Zahari serta ahli-ahli yang lain.



Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Raisin bin Saidin ( Terngah ) dan Mohd Jamatin ( kiri ) bergambar bersama barisan guru dan pelajar SMK Lajau

Pengerusi Kelab Guru dan Staf, Encik Muhd Hisyam bin Assim berkata, "bantuan yang diagihkan kepada pelajar ini merupakan hasil derma ikhlas yang diberi oleh individu dan juga badan-badan tertentu". Tambah Hisyam lagi, "pihak kami hanya mengurus dan mengagihkan hasil sumbangan yang diberikan orang ramai tersebut kepada pelajar, pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan di sekolah ini. Terima kasih kepada mereka yang sudi menyumbang." Dalam program Kashih Ramadan tahun ini banyak mendapat sumbangan daripada penyumbang, antaranya wang tunai melebihi RM5,000.00 dapat dikumpulkan dan dalam bentuk barangan. Beliau mwengucapkan berbanyak terima kasih kepada para penyumbang, bukan sahaja dari Wilayah Persekutuan Labuan, malah ada juga kalangan penyumbang dari negeri-negeri lain di Malaysia. Beliau juga amat berharap agar program berbentuk ibadah dan kerohanian seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan meluaskan lagi sasaran penerima sumbangan berkenaan.





Gembira. Pelajar SMK Lajau gembira mendapat duit raya yang disampaikan oleh Pengetua SMK Lajau, Mohd Jamatin Abd Latip.

Program Kasih Ramadan ini turut diserikan lagi dengan aktiviti bersalaman di antara guru dan pelajar serta penyerahan duit raya kepada semua pelajar. Penyerahan duit raya itu disampaikan oleh Mohd Jamatin bin Abd Latip selaku Tuan Pengetua, semua Penolong Kanan dan Guru Kanan Bidang Mata pelajaran. Sebelum sesi berakhir, diadakan rakan ucapan Selamat Hari Raya oleh seluruh warga sekolah.



Gembira. Pelajar SMK Lajau gembira mendapat duit raya yang disampaikan oleh Pentadbir SMK Lajau.

---

# Kegembiraan Pelajar PPKI SMK Lajau Jelas Terpancar Menyambut Ihya Ramadhan, Penyerahan Biskut Raya dan Duit Raya



**LABUAN** – Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) SMK Lajau telah menganjurkan program Ihya Ramadhan dan Majlis Penyerahan Biskut Raya Dan Duit Raya yang berlangsung pada 6 Jun 2018 bertempat di Ruang Rehat bangunan PPKI.

Tujuan program Ihya Ramadan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada murid tentang kewajipan ibadah puasa dan kepentingan ibadah puasa kepada warga PPKI SMK Lajau terutama sekali kepada pelajar PPKI.

Warga PPKI SMK Lajau telah menjemput penceramah khas dari luar iaitu Ustazah Noraida Binti Jamlie, beliau merupakan salah seorang da'i TV3 dan merupakan tenaga pengajar di

salah sebuah Maktab Rendah Sains Mara di Sabah.

Pengisian ceramah daripada beliau banyak memberi input yang sangat berguna kepada warga PPKI terutama sekali kepada pelajar PPKI SMK Lajau.

Berakhirnya ceramah Ihya Ramadhan, majlis dimeriahkan lagi dengan majlis penyerahan biskut raya dan duit raya sempena menyambut hari raya aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.

Menariknya, biskut raya yang diberikan kepada pelajar adalah merupakan hasil air tangan murid PPKI SMK Lajau sendiri dimana mereka bertungkus lumus menghasilkan biskut raya dan aktiviti ini merupakan program tahunan yang akan diadakan setiap kali tibanya bulan ramadhan.



Ustazah Noraida sedang menyampaikan ceramah kepada pelajar PPKI SMK Lajau.

Selain menghasilkan biskut raya untuk diberikan kepada pelajar, PPKI SMK Lajau juga menghasilkan biskut raya untuk dijual kepada warga SMK Lajau dan juga orang luar.

Banyak tempahan yang diterima dan berkat hasil usaha

pelajar-pelajar yang dibimbing oleh guru-guru dan Pembantu Pengurusan Murid semua tempahan itu dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat.

Duit hasil dari jualan biskut raya ini akan dijadikan sebagai duit raya dan akan diserahkan kepada semua pelajar PPKI SMK Lajau.

Pengetua SMK Lajau Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip, hadir sama bagi memeriahkan lagi majlis yang turut disertai oleh Penolong Kanan PPKI, Puan Noraini binti Haji Sabudin, barisan guru PPKI, Pembantu Pengurusan Murid dan semua murid PPKI.

Encik Mohd Jamatin dalam ucapannya menyambut baik program seperti ini kerana dapat memberi banyak manfaat selain menambah ilmu pengetahuan berkenaan dengan ibadah puasa dan bagi majlis penyerahan biskut raya dan duit raya dapat menghargai dan meraikan lebaran yang bakal tiba tidak lama lagi. Beliau turut memuji komitmen yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar PPKI dalam menjayakan majlis ini.

Kegembiraan jelas terpancar pada raut wajah setiap pelajar.

Sumber Berita : Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip, Pengetua SMK Labuan

---

**Majlis Perpisahan Seuntai  
Kasih Sekalung Budi SK**

# Pekan Satu



Labuan , 8 JUN 2018: Majlis perpisahan SK Pekan Satu disambut dengan meriah sebagai tanda penghargaan kepada permata-permata yang bakal meninggalkan SK Pekan Satu dan berkhimat disekolah baharu masing-masing . Majlis Perpisahan yang dijalankan oleh Kelab Sosial dan Kebajikan Guru yang diketuai oleh Puan Noor Anidah bt Hj Edi disambut di Dewan Cun SKPS bagi mengenangkan jasa lima orang guru yang bakal meninggalkan SK Pekan Satu .

Majlis bermula seawal jam 7.00 pagi dengan berkumpul terlebih dahulu semua murid di dewan menunggu kehadiran guru-guru untuk memenuhi ruang hadapan dan juga tidak ketinggalan menunggu empat permata SKPS iaitu Cikgu

Maarof Jaya , Cikgu Aldianah Aling , Cikgu Dayana Issu , Cikgu Haffizah Yahya dan Cikgu Hjh Siti Shadwana Hassan . Bacaan Yassin dimulakan terlebih dahulu sebelum memulakan majlis Seuntai Kasih Sekalung Budi.

Majlis ringkas ini dipengerusikan oleh Pn Rostina Kassim dan diteruskan dengan ucapan dari guru besar SKPS Puan Anita Shyamini S Azman .

'Sesungguhnya seluruh warga SKPS amat menghargai segala jasa bakti serta keringat yang dicurahkan oleh keempat-empat guru ini. Perkhidmatan, pengorbanan dan sumbangan mereka yang tidak pernah mengenal erti penat lelah telah membawa SK Pekan Satu ke satu tahap yang lebih baik dan membanggakan pada hari ini.'



Ucapan-ucapan dari setiap kelima-lima guru yang bakal pergi meninggalkan SKPS merupakan kemuncak ketika majlis perpisahan dimana semua rakan –rakan guru serta murid-

murid menitikiskan air mata atas kesedihan berpisah dengan guru kesayangan mereka .

Majlis ditutupkan dengan doa dan tasbih kafarah. Kemudian penyerahan duit raya serta bersalam-salaman bersama guru dn murid untuk menyemarakkan rasa syukur dan gembira untuk menyambut bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri .Akhir sekali, ada sedikit sesi bergambar bersama para guru-guru sebagai tanda kenangan kepada guru-guru yang bakal meninggalkan SKPS .

## Jom Meriahkan Charity Fun Run and Ride 2018



**Labuan** – PIBG SMK Labuan akan menganjurkan acara Charity Fun Run and Ride pada 22 Julai 2018 (Ahad) jam 6.30 pagi,

bermula dan tamat di kawasan letak kereta Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan di Tanjung Purun.

Acara ini diadakan sebagai salah satu inisiatif PIBG SMK Labuan untuk mengumpul dana tambahan yang diperlukan untuk membantu pihak sekolah membiayai program-program akademik, kokurikulum, sahsiah dan sebahagian keperluan asas seperti meja dan kerusi kelas.

Peserta boleh memilih salah satu daripada dua acara yang disediakan iaitu :

1. Fun Run 5km Terbuka Lelaki dan Perempuan yg melalui kawasan Labuan Golf Club, Taman Botanical dan tamat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.
2. Fun Ride 20km Terbuka Lelaki dan Perempuan yg melalui kawasan bandar, hingga ke Kg Lajau, Kg Tanjung Aru, Kg Kerupang dan berpatah balik ke Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Bayaran penyertaan ialah sebanyak RM60 seorang dan setiap peserta akan mendapat cenderahati baju T serta medal penamat.

Terdapat juga hadiah wang tunai untuk 10 orang peserta lelaki dan 10 orang peserta perempuan acara Fun Run yg terawal sampai di garisan penamat. Cabutan-cabutan bertuah berbentuk wang tunai, hamper dan barangan lain juga akan diadakan.





Encik Ismail (duduk dua dari kanan) dan Tuan Haji Md Yusof (sebelah) bersama Jawatankuasa Kerja Charity Fun Run and Ride

Pengetua SMK Labuan merangkap Penasihat PIBG Sekolah, Encik Ismail Abdullah serta Yang DiPertua PIBG SMKL , Tn Hj Md Yusof Hj Chuchu memohon sokongan seluruh warga Labuan termasuk para peminat aktiviti larian dan basikal, para ibu bapa, bekas-bekas pelajar SMK Labuan, warga guru dan staf serta pelajar sekolah-sekolah serta institusi pendidikan di Labuan, jabatan-jabatan kerajaan , pihak swasta dan NGO serta belia-belia Labuan untuk menyertai acara yg julung kali diadakan ini.

Jumlah peserta yg sudah mendaftar setakat ini ialah seramai 465 peserta iaitu 272 peserta Fun Run dan 193 peserta Fun Ride dari WP Labuan, Sabah dan Brunei Darussalam.

Ini termasuk penyertaan 35 org ahli Brunei Folding Bike

Club (BFBC) dan 15 org ahli BEST Group dari Brunei Darussalam.

EncikIsmail berkata acara ini juga sedikit sebanyak akan membantu mempromosikan aktiviti kesihatan dan kecergasan, serta aktiviti pelancongan dan ekonomi Labuan melalui kehadiran peserta-peserta dari luar Labuan.

Beliau juga berharap Alumni SMK Labuan dapat memainkan peranan mengumpulkan penyertaan daripada ahli-ahli atau rakan-rakan sekelas mereka dahulu, di samping boleh mengadakan majlis reunion masing-masing sempena acara ini.

PIBG SMK Labuan mengucapkan terima kasih kpd syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan yang menyumbang kewangan dan material untuk menjayakan acara ini.

Keterangan lanjut berkaitan acara ini boleh didapati dengan menghubungi En Jaya Hj Masir di talian 019821 7575 dan Cik Nor Shasiah Otiman di talian 014280 0190, serta di facebook Jaya Hj Masir. Atau mendaftar secara online melalui google form <http://gg.gg/SMKLFRR2018>.

ORGANIZER:



PIBG SMK LABUAN

**CLOSING DATE**  
**20 JUNE 2018**

# CHARITY FUN RUN & FUN RIDE 2018

**22 JULY 2018**  
**SUNDAY**

LABUAN INTERNATIONAL  
SEA SPORTS COMPLEX

**6.30 AM**

Registration Fee  
**RM60.00**

Participant will receive  
Quality Event Tshirt &  
Finisher Medal



80mmx 65mm x 4mm  
3D Embossed medal



## FUN RIDE 20KM

- MEN OPEN  
- WOMEN OPEN  
(FUN RIDE only, no RANKING & PRIZES)

## FUN RUN 5KM

- MEN OPEN  
- WOMEN OPEN

## CASH PRIZES

No. 1 - no.10 Place  
(Prizes for FUN RUN only)

YOUR ENTRANCE FEE TO  
 **CIMB BANK**  
PIBG SMK LABUAN  
Account : 800 178 4365



Registration forms are also available at  
SMKL general office during office hours

FOR MORE INFORMATION, CONTACT OUR CREW AT:

JAYA BIN MASIR 019-821 7575  
NOR SHASIAH OTIMAN 014-280 0190  
LUI TECK HUOY 019-897 9956

online registration: <http://gg.gg/SMKLFRR2018>

Boleh juga hadir ke pejabat SMK Labuan pada waktu pejabat.

Tarikh tutup penyertaan dan bayaran ialah pada 20 Jun 2018 iaitu 3 minggu sebelum acara sebenar berlangsung.

---

# Sambutan Ihya Ramadhan SK Pekan Satu Bersama Dato Sri Alias



**LABUAN** – Panitia Pendidikan Agama Islam SKPS bersama-sama Dato Sri Alias telah menganjurkan program Ihya Ramadhan dan ceramah nuzul Al quran serta Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung pada 7 Jun 2018 bertempat di Dewan SKPS .

Program yang berlangsung dari 8.00 hingga 11.30 pagi itu bertujuan untuk memberi rasa kesedaran mengenai menjaga amal ibadah didunia serta memupuk rasa kesyukuran dan kegembiraan pada bulan Ramadhan yang mulia ini.

Program Ihya Ramadhan ini melibatkan semua pelajar SK Pekan Satu termasuk pelajar –pelajar Pendidikan Khas (PPKI) bagi bertujuan untuk memupuk bakat dan penglibatan mereka . Selain itu , pelajar-pelajar juga terlibat dengan persembahan nasyid yang dipersembahkan dengan penuh bersemangat telah memeriahkan lagi sambutan program tersebut.



Penceramah jemputan iaitu Ustaz Syahnon b. Othman dari Sekolah Kebangsaan Pantai telah memberi pengisian yang cukup bermakna kepada pelajar-pelajar SK Pekan Satu terutamanya kepentingan solat fardhu dan amalkan bersedekah .

Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini S Azman hadir sama untuk memeriahkan lagi majlis yang turut disertai oleh Penolong Kanan HEM, Pn Norlihan bt Alip, Penolong Kanan PPKI, Puan Basnerah bt Jamilide dan barisan guru-guru Pendidikan Agama Islam PPKI dan Perdana .

Turut hadir tetamu istimewa iaitu En Mamduh b. Zakaria sebagai perasmi untuk program tersebut .

Tambahan itu , program Ihya Ramadhan turut menyelitkan sumbangan khas buat anak yatim berbentuk hamper , beras, air kordial serta duit raya sejumlah RM100 seorang. Sumbangan ikhlas juga dihulurkan daripada Dr Dato Sri Alias untuk anak yatim iaitu duit raya berjumlah RM50 dan baucer sebanyak RM50 di pasaraya d' One Mart WP Labuan seorang .



*'Saya ingin memberi jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Panitia Pendidikan Islam SKPS kerana berjaya menganjurkan majlis pelancaran Program Ihya Ramadhan pada kali ini dan semoga kita berjumpa di lain masa. Saya mengucapkan selama meneruskan ibadah puasa Ramadhan Al-Mubarak ini. Semoga segala amal ibadah dan jariah yang telah kita lakukan di bulan Ramadhan yang mulia ini akan diterima dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.'*

SKPS truly number 1 !

Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya

Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini